

BERTEKAD DIRI — DR.

KUALA LUMPUR 31 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak seluruh rakyat Malaysia menanam satu tekad untuk membebaskan diri daripada terlalu bergantung kepada kebolehan dan kekayaan negara maju sebagai azam tahun baru.

Kata Perdana Menteri: "Selagi kita jahil dalam ilmu pengetahuan dan kecekapan yang terdapat di zaman ini, selama itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita pula terpaksa tunduk kepada kuasa asing."

Tetapi, kata Dr. Mahathir, azam ini hanya akan tercapai jika seluruh rakyat mengekalkan nilai-nilai murni yang diimbangi oleh kemajuan material dan pembangunan rohani.

"Kemajuan material yang diimbangi dengan pembangunan rohani serta pekekalan nilai-nilai murni akan membebaskan kita daripada pergantungan sepanjang masa kepada ilmu, kebolehan dan kekayaan negara-negara maju," ujar Perdana Menteri dalam perutusan tahun barunya.

Ucapan beliau disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Timbang rasa

Perdana Menteri menegaskan, rakyat haruslah ingat bahawa dalam mana-mana masyarakat pun tidak ada siapa yang akan mendapat semua kehendak hatinya.

Menurutnya, dalam masyarakat yang terdiri daripada hanya satu bangsa pun, persetujuan seratus peratus sukar untuk dicapai, inikan pula sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia.

"Jika ada sikap yang rasional serta perasaan bertanggungjawab dan timbang rasa, perbezaan pendapat tidak akan membawa kepada rusuhan, sebaliknya akan wujud kesanggupan untuk bertolak ansur," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, sifat-sifat ini terdapat di kalangan rakyat Malaysia dan ia perlu ditingkatkan supaya keamanan dan kestabilan berterusan.

Dengan ini juga, kata beliau, negara akan dapat mengelakkan berlakunya rusuhan.

Beliau berkata, inilah yang cuba dicapai dalam Wawasan 2020

LIHAT MUKA 2

MAHATHIR BEBASIKAN

BERTEKAD BEBASKAN DIRI — DR. MAHATHIR

21 JAN 1992

iaitu membentuk rakyat yang berkebolehan, berpengetahuan, cekap serta taraf hidup yang sama atau lebih baik daripada negara maju.

Bagaimanapun, katanya, mengejar matlamat ini tidaklah bermakna rakyat perlu mengorbankan moral mereka.

Menurutnya, membentuk sesuatu matlamat atau wawasan adalah perkara mudah tetapi di antara cita-cita dan kemampuan terdapat lurah yang amat dalam dan rintangan yang amat besar.

"Oleh itu, perkara yang harus dipersoalkan ialah apakah Malaysia dan rakyatnya yang terdiri daripada berbagai kaum mampu membangunkan negara secara terus menerus selama 30 tahun untuk mencapai wawasan ini," kata Dr. Mahathir.

Jawapannya, kata beliau, boleh didapati daripada rekod negara setelah 34 tahun merdeka.

Menurut Perdana Menteri, selama tempoh tersebut, jumlah rakyat telah bertambah dari enam juta orang kepada 18 juta dengan pendapatan per kapita dari \$775 kepada \$6,781.

Kenaikan ini, katanya, hampir sembilan kali ganda dan pertambahan penduduk yang sepatutnya mengurangkan pendapatan per kapita telah menjadi sebaliknya.

Jelaslah, kata Dr. Mahathir, dalam masa 34 tahun, Malaysia telah berjaya meningkatkan pendapatan per kapita yang dianggap sebagai ukuran pembangunan sesebuah negara.

"Dan untuk Wawasan 2020 pula, kita kenalah meningkatkan pendapatan per kapita kita sebanyak lapan kali ganda dalam tempoh 30 tahun. Jika rekod kita menjadi pedoman, mencapai matlamat ini bukanlah mustahil," kata beliau.

Oleh itu, katanya, adalah penting bagi rakyat menyedari betapa pentingnya mereka mengamalkan nilai-nilai dan cara hidup yang boleh menjayakan matlamat ini.

Menurut Dr. Mahathir, jika sesuatu kaum, bangsa mahupun individu itu tidak jujur atau berpandangan jauh atau tidak mempunyai etika yang mulia, mereka tetap akan gagal.

"Sebab itulah ada bangsa yang dahulunya mundur kemudian menjadi maju dan sebaliknya ada bangsa yang dahulunya maju kemudian menjadi mundur dan jika diteliti, kita akan dapati maju mundurnya sesuatu bangsa itu disebabkan oleh etika dan nilai-nilai yang diamalkan oleh mereka," tegasnya.

Beliau berkata, sementara etika boleh menjayakan sesuatu bangsa dalam pekerjaannya, keselamatan dan kestabilan negara juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya.

Sesebuah negara atau masyarakat hanya akan selamat dan stabil jika rakyatnya memiliki sikap kesederhanaan, ujanja.

Mengenai harapannya, Perdana Menteri berkata, tiga puluh tahun, bukanlah satu jangka masa yang panjang "tetapi ramai daripada kita tidak akan ada pada tahun 2020".

Kata Dr. Mahathir, jelaslah wawasan yang dibuat oleh kerajaan hari ini adalah untuk dinikmati oleh generasi muda.

Tetapi, tegasnya, ini tidaklah bermakna mereka yang tidak mungkin menikmati kemajuan pada tahun 2020 tidak perlu bekerja keras untuk matlamat ini.

"Satu daripada sifat yang mulia ialah untuk tidak hanya mementingkan diri sendiri tetapi sebaliknya mengutamakan masa depan negara dan bangsa.

"Bagi generasi muda pula, mereka akan menik-

mati sepenuhnya kemajuan yang dirancangan, insya-Allah...tetapi mereka hendaklah ingat bahawa mereka mestilah bersedia untuk mengambil alih tanggungjawab memajukan negara ini setelah matlamat 2020 dicapai," kata Perdana Menteri.

Untuk itu, beliau menyeru generasi muda memupuk sifat-sifat yang mulia sehingga ia menjadi darah daging mereka.

Bagi pihak kerajaan pula, Dr. Mahathir berkata, ia akan memaikan peranan bersungguh-sungguh tetapi sudah tentulah dalam proses demokrasi, jika kerajaan asyik bertukar ganti pencapaian Wawasan 2020 tidak dapat dijamin.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan yang ada sekarang sedia menerima teguran dan sanggup bertindak mengikut pendapat yang bernas dalam usahanya untuk menjayakan wawasan ini.

Tegas Dr. Mahathir, sebenarnya, apa yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah hasil kesanggupan kerajaan membentuk pendekatan-pendekatan berdasarkan cadangan baru yang datang dari dalam dan luar kerajaan.

"Adalah jelas, sikap terbuka kerajaan membawa manfaat kerana umum mengakui Malaysia membangun dengan lebih pesat daripada kebanyakan negara lain," ujar beliau lagi.

Katanya, sikap terbuka kerajaan akan diteruskan tetapi kerajaan juga tidak akan lupa tanggungjawabnya terhadap keselamatan dan kestabilan negara.

Beliau mengingatkan bahawa orang asing, umpamanya, tidak berhak menentukan apa yang baik untuk negara ini sebaliknya hanya warganegara Malaysia sahaja yang berhak berbuat demikian dan mereka boleh menyuarakan pendirian mereka dengan cara yang tertib melalui proses pilihanraya.

Mengenai usaha dan ikhtiar, Dr. Mahathir berkata, manusia yang dikurniakan akal fikiran dan tenaga tidak harus menunggu segala-galanya datang bergolek kepada mereka.

"Inilah yang dibuat oleh kerajaan iaitu berikhtiar terlebih dahulu sebelum menyerahkannya kepada takdir.

"Percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya wawasan itu tertumpu hanya kepada faktor kebendaan merupakan satu usaha untuk mengekalkan orang Islam dalam keadaan kemunduran dan daif seperti yang dikehendaki oleh musuh-musuh Islam.

"Tidaklah keterlaluan jika kita berkata bahawa mereka ini secara sedar atau tidak telah bersubhat dengan musuh-musuh Islam," katanya.

Menurut Perdana Menteri, dakyah golongan seperti ini menjadi lebih buruk apabila mereka sendiri mendapat nikmat daripada pembangunan yang mereka kecam.

Dr. Mahathir mengingatkan umat Islam bahawa kemiskinan hanya akan membawa mereka menghampiri kekufuran.

"Mulai esok, semua rakyat Malaysia haruslah membuat resolusi baru untuk menjayakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka supaya prestasi tahun kedua dalam usaha kita ke arah Wawasan 2020 terus meningkat.

"Saya mengucapkan selamat tahun baru kepada semua rakyat Malaysia dan marilah kita daripada semua kaum berganding bahu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk bangsa Malaysia dan negara Malaysia," seru Perdana Menteri.